

APLIKASI *AL-MUZĀRA'AH* DI FELCRA BERHAD

Muhammad Hakimi bin Mohd Shafai^{*}
Nor Aini binti Ali^{*}

ABSTRACT

This paper analyzes the cooperation between FELCRA Berhad a developer of agricultural land owners based on the principles of al-muzāra'ah. These principles are cooperative contract between the land developer and the owner of land to develop the land. In order to achieve the objective, the researcher conducted both library research and field work. Library research was used to get data related to the principles of fiqh on al-muzāra'ah. Field work was carried out based on two instruments namely, interviews and questionnaires. Interview sessions were carried out with the FELCRA Berhad of Seberang Perak representatives as the agricultural of instrumentations land developer. Questionnaires were distributed to the participants who were the owners of the land. Based on two methods, the researcher found that the activities carried out in the development of agricultural land in Seberang Perak fulfilled most of the basic principles of al-muzāra'ah. This includes the terms of contract, cooperation, agreement and distribution of yield between the land developer and the land owner.

Pendahuluan

Kaedah pembangunan tanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti hasil pertanian demi memperkasakan sektor pertanian. Para *fugahā'* telah menyenaraikan beberapa prinsip utama di dalam membangunkan tanah pertanian melalui usahasama antara pemilik tanah dengan pengusaha, dan salah satu daripadanya ialah akad *al-muzāra'ah*.

* Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

** Pensyarah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Penglibatan syarikat-syarikat korporat atau agensi-agensi pertanian di bawah penyeliaan pihak kerajaan amatlah penting bagi memastikan kelancaran program pembangunan tanah pertanian seperti agensi FELCRA Berhad. Peranan agensi pertanian ini adalah amat penting terutamanya dari aspek pengurusan yang efektif untuk produktiviti yang tinggi.

Oleh itu, penulisan ini menjelaskan sejauh mana aplikasi pinsip *al-muzāra 'ah* di dalam amalan pembangunan tanah yang diamalkan di Felcra Berhad.

Pengertian *al-Muzāra 'ah*

Al-muzāra 'ah dalam bahasa Arab berasal daripada kata terbitan *zara 'a* iaitu tanaman. *Al-muzāra 'ah* dari segi bahasa bermaksud menjadikan tanah sebagai satu kegiatan penanaman atau pertanian dengan berkongsi di antara pemilik tanah dengan pengusaha untuk mendapatkan hasil. Hasilnya itu akan dibahagikan antara kedua-dua pihak mengikut apa yang telah dipersetujui di dalam akad dan '*uruf*'.¹

Menurut perspektif syarak pula, terdapat beberapa definisi yang dikemukakan oleh *fūqahā'*. Mazhab Ḥanafī berpandangan *al-muzāra 'ah* adalah suatu akad tanaman yang dilakukan secara usahasama antara pemilik tanah dengan pihak pengusaha melalui pembahagian hasil tanaman antara mereka seperti yang telah dipersetujui. Pihak pemilik tanah boleh mengupah pihak pengusaha atau menyewakan tanahnya kepada pihak pengusaha, dan hasil yang diperolehi akan dibahagi antara mereka.²

Menurut pandangan mazhab Mālikī pula, *al-muzāra 'ah* ialah akad perkongsian dalam pertanian yang berlaku antara pemilik tanah dengan pihak pengusaha.³ Mazhab Syāfi'i pula mengatakan bahawa *al-muzāra 'ah* ialah kontrak yang ditandatangani antara pemilik tanah dan pihak pengusaha yang akan menjalankan kerja penanaman dan penjagaannya dengan memperolehi sebahagian daripada hasilnya, sedangkan benih yang digunakan adalah kepunyaan pemilik tanah.⁴ Manakala mazhab Ḥanbalī pula berpendapat, *al-muzāra 'ah* ialah suatu akad penyerahan tanah pertanian kepada seorang petani untuk diusahakan dan hasilnya dibahagi antara pemilik tanah dengan petani.⁵

¹ Ibrāhīm Madzkūr (1983), *Majmā' al-Lughah al-'Arabīyah al-Mu'jam Wasiṭ*, j. 3, c. 3. T.T.T: Maktabah Bi Syarīkah al-'Ilānat al-Syarqīyyah, h. 401.

² Abī Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī (1968), *Badā'i' al-Ṣanā'i' Fi Tartīb al-Syarā'i'*, j. 8. Qāherah: Maṭba'ah al-Imām Syari' Muḥd Karīm Bil Qalqā'ah, h. 3808.

³ Syams al-Dīn al-Syeikh Muḥammad 'Arafah al-Dusūqī (t.t.), *Hāsyiah al-Dusūqī 'Alā al-Syarh al-Kabīr*, j. 3. T.T.T: Maṭba'ah 'Isa al-Bābī al-Halabī Wa Syirākuhu, h. 372.

Majallah al-Ahkām al-'Adlīyyah di dalam bahagian 1413 mendefinisikan *al-muzāra'ah* sebagai suatu bentuk perkongsian pertanian yang mana tanah disediakan oleh satu pihak (pemilik tanah) dan urusan kerja dilakukan oleh satu pihak yang lain (pengusaha) dan segala urusan penanaman serta penghasilan hasil akan dikongsi oleh kedua-dua pihak secara bersama.⁶

Berdasarkan takrifan yang telah diberikan, jelaslah bahawa konsep *al-muzāra'ah* ini merupakan suatu konsep perkongsian antara pemilik tanah dengan pihak petani atau pengusaha. Pemilik tanah menyerahkan hak mengusahakan tanah yang dimilikinya untuk diusahakan oleh petani yang ingin mengusahakan tanah tersebut. Hasil daripada usahasama tersebut akan dibahagikan antara pihak yang terlibat berdasarkan akad yang telah dipersetujui.⁷

Secara prinsipnya, konsep *al-muzāra'ah* ini menyerupai konsep *al-mudārabah*. Namun, perbezaan yang jelas antara kedua-duanya ialah perkongsian di dalam konsep *al-muzāra'ah* merupakan perkongsian hasil tanaman dan bukannya hasil keuntungan seperti yang terdapat di dalam prinsip *al-mudārabah*.⁸

Hukum *al-Muzāra'ah*

Para *fugahā'* telah berbeza pendapat di dalam membincangkan tentang akad *al-muzāra'ah* ini. Terdapat pandangan yang mengharuskan dan terdapat pandangan lain yang tidak mengharuskan kontrak ini.

⁴ Al-Syeikh Muhammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t.), *Mughnī Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj*, j. 2. T.T.T: Dār al-Fikr, h. 323.

⁵ Abī Muhammād 'Abd Allāh bin Aḥmad Ibn Qudāmah (t.t.), *Al-Mughnī*, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 581.

⁶ Md. Akhir Haji Yaacob (terj.) (1990), *Al-Ahkām 'Adlīyyah (Undang-Undang Sivil Islam)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 465.

⁷ Muhammād bin 'Alī bin Muhammād al-Syawkānī (1985), *Al-Sayl al-Jarā'ir al-Mutadafiq 'alā Hadā'iq al-Azhār*, j. 3. Beirut: Dār al-Kitab al-'Ilmīyyah, h. 219; Ḥasan Muhammād Ayūb (1998), *Fiqh al-Mu'amalāt al-Māliyah fī al-Islām*, j. 1. Al-Qāherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyah, h. 283; Bosworth, C.E. et al. (ed.) (1993), *The Encyclopedia of Islam*, vol. vii. Leiden: E.J. Brill, h. 822-823.

⁸ Fahim Khan (1995), *Essays In Islamic Economics*. The Islamic Foundation: Leicester, h. 82.

A. Golongan Yang Mengharuskan

Pendapat yang menyatakan bahawa akad ini harus adalah terdiri daripada golongan para sahabat dan juga *fuqahā'*. Mereka terdiri daripada:⁹

1. Imam Aḥmad ibn Ḥanbal;
2. Imam Abī Laylā ibn Sa‘d;
3. Abū Yūsuf; dan
4. Muḥammad al-Syaibānī.

Pendapat golongan yang mengharuskan ini adalah berpandukan kepada hadis dan juga *al-ijmā'*.

i.) Dalil Al-Sunnah:

- a) Maksud:

*Diriwayatkan daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar berkata: Rasullullah SAW bermuamalah dengan penduduk Khaibar dengan separuh dari apa yang dihasilkan, yang terdiri daripada buah-buahan dan tanaman.*¹⁰

- b) Maksud:

*Daripada Ibn ‘Abbās, bahawa Nabi SAW menyerahkan tanah kepada penduduk Khaibar dan pohon tamar dengan membahagikan secara muqāsamah (sama banyak).*¹¹

(Riwayat Ahmad dan Ibn Mājah)

⁹ Kamāl al-Dīn Muḥammad b. Abd Wāhid al-Hammām (t.t.), *Fath al-Qādīr*, j. 8. Beirūt: Iḥyā’ al-Turāth, h. 32; Rafiq Yunus al-Miṣrī (1999), *Uṣūl al-Iqtisād al-Islāmi*, c. 3. Beirūt: Dār al-Syāmīah, h. 188.

¹⁰ Imām Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Imām Maḥyuddīn al-Nawawī*. Kitāb al-Musāqāh, Bāb al-Musāqāh Wa al-Mu‘āmalah Bi Juz’ Min al-Thamr Wa al-Zar‘i, no. hadith 3939; Abī Dāwūd Sulaymān Ibn al-As‘āth (1988), *Sunan Abū Dāwūd*. Kitāb al-Buyū‘, Bab Fi al-Musāqāh, no. hadith 3408.

¹¹ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*. Kitāb al-Rahīn, Bāb al-Mu‘āmalah al-Nakhl Wa al-Kurm, no. hadith 2468.

ii.) Dalil *Ijmā'*:

Ijmā' para sahabat yang mengharuskan amalan *al-muzāra'ah* ini adalah seperti berikut:

1. Al-Bukhārī ada meriwayatkan bahawa ‘Alī b. Abī Ṭālib, Sa‘ad b. Mālik, ‘Abd Allāh b. Mas‘ud, ‘Umar b. ‘Abd al-Azīz, Al-Qāsim al-‘Urvah, keluarga Abu Bakar al-Siddīq, keluarga ‘Umar al-Khaṭṭāb, keluarga ‘Alī b. Abī Ṭālib dan Ibn Sirin telah melakukan amalan *al-muzāra'ah* ini.¹²
2. Berkata Abū Ja‘afar b. Alī b. Ḥassan b. Ali b. Abī Ṭālib: Rasullah SAW bermuamalah dengan penduduk *Khaibar* dengan hasil separuh-separuh. Kemudian telah diikuti oleh Abū Bakar al-Ṣiddīq, ‘Umar al-Khaṭṭāb, Uthman b. ‘Affān dan ‘Alī b. Abī Ṭālib dan kemudian diikuti oleh ahli keluarga mereka sehingga memberikan satu pertiga atau satu perempat.¹³

Perkara ini telah dilakukan oleh Nabi SAW sehinggalah Baginda wafat. Kemudian, ianya telah diamalkan oleh para sahabat sehingga mereka wafat dan telah diikuti oleh para tabi‘in pula. Penduduk Madinah juga mengamalkan amalan ini, sehinggakan isteri-isteri Rasullullah SAW turut mengamalkannya.¹⁴

Berdasarkan hadis Nabi SAW dan juga *al-ijmā'* ini, golongan yang mengharuskan amalan *al-muzāra'ah* menyatakan bahawa akad *al-muzāra'ah* adalah suatu kontrak yang boleh dipraktikkan pada hari ini.

Abū Yūsuf dan Muḥammad Ibn al-Ḥāsan al-Syaibānī yang merupakan *fuqahā'* dari mazhab Ḥanafī menyatakan akad *al-muzāra'ah* ini adalah diharuskan. Pandangan mereka ini adalah bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang telah membuat kontrak dengan penduduk *Khaibar* dengan pembagian hasil yang dibahagi dua. Mereka juga berpandangan bahawa akad *al-muzāra'ah* ini merupakan suatu kontrak perkongsian dua pihak iaitu suatu pihak menyediakan modal, dan satu pihak lagi menyediakan tenaga kerja yang dianalogikan dengan prinsip *al-mudarabah*.¹⁵

¹² Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 582; Al-Sayyīd al-Ṣābiq (1971), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, c. 1. Beirūt: Dār al-Fikr al-‘Arābi, h. 163.

¹³ Abī Dāūud Sulaimān Ibn al-As‘āth (1988), *Sunan Abū Dāwūd*. Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Rukhṣah Fi al-Muzāra‘ah Bi al-Thuluth wa Al-Rubū‘, no. hadith. 2462.

¹⁴ Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im ‘Affān (1985), *Al-Iqtisād al-Islāmī Dirāsaḥ al-Taṭbiqīyyah*, juzu’ 2. T.T.T: Dāūul Bayān al-‘Arābī, h. 70.

¹⁵ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkānī (1978), *Nayl al-Awṭār Syarḥ Muntaqa al-Akhbār*, j. 7. Qāherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyah, h. 15 – 16.

Oleh demikian, di atas dasar bantu-membantu di antara pemodal dan pengusaha, hasil pengeluaran dapat dihasilkan dengan kerjasama tersebut. Pengamalan akad *al-muzāra'ah* adalah harus kerana melihat kepada hajat dan keperluan manusia terhadapnya dan larangan membekukan harta di dalam Islam. Justeru, kontrak ini sesuai diaplikasikan dalam usaha penanaman kerana kadang kala pemilik tanah tidak dapat mengusahakannya disebabkan masalah yang dihadapinya. Jadi, orang yang dapat mengusahakan tanah tersebut dengan baik tidak semestinya terdiri daripada pemilik tanah. Situasi ini menyebabkan pemilik tanah memerlukan pihak pengusaha untuk mengusahakan tanah mereka.¹⁶

Selain itu, Al-Syarbīnī juga telah menulis tentang keharusan akad *al-muzāra'ah* ini. Beliau menyatakan bahawa kemungkinan terdapat orang yang memiliki tanah tidak mampu memajukan tanah tersebut, padahal terdapat pula orang lain yang sanggup memajukan tanah tersebut. Maka wujudlah dua keperluan iaitu keperluan untuk memajukan tanah tersebut bagi pihak pemilik tanah dan juga keperluan pekerjaan bagi pihak yang ingin mengusahakan tanah tersebut. Perkara ini dibolehkan kerana jika pihak pemilik tanah hendak mengupah orang lain untuk memajukan tanah tersebut, maka ia mesti membayar upah kepada pekerja tersebut dan terdapat juga kemungkinan pemilik tanah tidak mendapat hasil akibat kemalasan pekerja tersebut.¹⁷

B. Golongan yang tidak mengharuskan

Manakala pendapat kedua yang menyatakan bahawa akad *al-muzāra'ah* ini adalah satu akad yang tidak diharuskan adalah terdiri daripada *fugahā'* berikut:¹⁸

1. Imam Abū Hanīfah; dan
2. Imam Al-Syāfi'i.

Walaupun golongan ini tidak mengharuskan amalan *al-muzāra'ah*, tetapi mereka masih menyatakan bahawa sewaan tanah adalah sah pada tahap yang dibenarkan sahaja. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada dalil berikut:

"Dari Zaid b. Thābit berkata: Rasulullah SAW melarang daripada melakukan amalan al-mukhbārah. Saya bertanya: Apakah al-

¹⁶ Abū Yūsuf (1392H), *Al-Kharāj*. Qāherah: Al-Tabā'ah al-Rābi'ah, h. 503.

¹⁷ Al-Syarbīnī (t.t.), *op.cit.*, h. 324.

¹⁸ Al-Syeikh Walī al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Tabrīzī (1961), *Al-Misykāt al-Masābih*, j. 2. Damsyik: Al-Maktab al-Islāmī, h. 235.

mukhābarah itu? Baginda SAW menjawab: Seseorang yang menjadikan (menyewakan) tanah dengan hasil separuh-separuh atau sepertiga atau seperempat.”¹⁹

(Riwayat Abū Dāwūd)

Imam Abū Ḥanīfah tidak mengharuskan amalan *al-muzāra'ah* ini berdasarkan larangan Nabi ŠĀW terhadap pengamalan kontrak *al-mukhbārah* iaitu penyewaan tanah. Abu Hanifah juga berpandangan bahawa transaksi Nabi SAW dengan penduduk *Khaibar* itu merupakan suatu aspek percuakan iaitu suatu ketentuan yang harus dibayar oleh petani kepada Rasulullah SAW setiap kali tuaian hasil dengan kadar yang tertentu (*kharāj al-muqāsamah*) dan bukannya akad *al-muzāra'ah*. Pihak pemerintah berhak untuk menuntut cukai (*kharāj*) dari penduduk dan ini adalah dibenarkan.²⁰

Khaibar ialah sebuah bandar di Semenanjung Tanah Arab yang dibuka oleh orang-orang Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW pada tahun 7 Hijrah. Di dalam peperangan tersebut, Rasulullah SAW telah mendapat kemenangan tanpa berlakunya pertumpahan darah. Semua harta orang-orang Yahudi di *Khaibar* termasuk tanah, pokok tamar dan angur dijadikan harta rampasan perang oleh Nabi SAW.²¹

Menurut Imam Abū Ḥanīfah, akad *al-muzāra'ah* tidak diharuskan kerana objek akad (manfaat tanah) iaitu hasil pertanian yang dijadikan imbuhan untuk usahasama dalam kontrak *al-muzāra'ah* masih belum ada (*al-ma'dum*) dan tidak jelas kadarnya (*al-jahalah*). Sekiranya usahasama pertanian itu tidak mengeluarkan hasil, pihak petani selaku pengusaha tidak memperolehi apa-apa dan mengakibatkan kerugian kepada pihak pengusaha. Oleh itu akad *al-muzāra'ah* ini dianggap tidak sah kerana objek akad (manfaat tanah) bersifat tidak jelas dan masih belum ada.²²

Imam Abū Ḥanīfah menyatakan bahawa amalan *al-muzāra'ah* hanya diharuskan sekiranya usaha atau kerja dan benih adalah hak milik bersama. Maka, ini bererti pengusaha menyewa tanah dengan perkakasnya dan pihak pemilik tanah mengupah pekerja dengan memberikan alatan dan benih tanaman.²³

¹⁹ Abī Dāwūd Sulayman Ibn al-As'āth (1988), *Sunan Abū Dāwūd. Kitāb al-Buyū'*, Bāb Fi al-Mukhbārah, no. hadith 3407.

²⁰ Al-Kāsāni (1968), *op.cit.*, h. 3808; Al-Hammām (t.t), *op.cit.*, h. 32.

²¹ Abū 'Ubayd (1966), *Al-Amwāl*, c. 1. T.T.T: Maktabah al-Kullīyat al-Aḥārīyyah, h. 55 – 56.

²² Al-Hammām (t.t), *op.cit.*, h. 32.

²³ 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad Auḍ al-Jazīrī (1998), *Kitāb al-Fiqh 'Alā Mazāhib al-Arba'ah*, j. 2. Beirūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arābi, h. 9.

Mazhab Syāfi‘ī juga sepandapat dengan pandangan Abū Ḥanifah yang menyatakan bahawa akad *al-mukhābarah* adalah suatu akad yang dilarang. Menurut pandangan mereka, akad ini dilarang dan terbatas kerana biji benih untuk tanaman tersebut disediakan oleh pihak pengusaha. Berdasarkan situasi ini, pihak pemilik tanah hanya terlibat dalam pengurusan tanahnya sahaja dan tidak berhak untuk mendapatkan sebarang hasil.²⁴

Fuqahā' di dalam mazhab Syāfi‘ī hanya membenarkan akad *al-muzāra‘ah* ini sekiranya didahului dengan kontrak *al-musāqāh*. Ini bermakna, tanah yang terlibat mestilah mempunyai pohon-pohon yang telah berbuah atau tanah yang kosong tersebut haruslah berada di antara pohon-pohon yang telah berbuah. Maka, apabila telah wujud akad *al-musāqāh*, barulah kontrak *al-muzāra‘ah* ini dibenarkan di sisi *fuqahā'* mazhab Syāfi‘ī.²⁵

Oleh itu, *fuqahā'* di dalam mazhab Syāfi‘ī tidak mengharuskan sewa tanah dicampurkan dengan hasil pertanian. Ini adalah kerana segala hasil pertanian adalah keseluruhannya menjadi pemilik tanah kerana pemilik tanah membangunkan harta miliknya. Cuma, pemilik tanah bertanggungjawab membayar upah pekerja (pengusaha), termasuk sewa binatang dan alat-alat yang digunakan.²⁶

Kaedah yang boleh dibuat berdasarkan pandangan daripada mazhab Syāfi‘ī ialah dengan cara pemilik tanah dan juga pengusaha berkongsi di dalam menyediakan benih dan kedua-dua pihak mengusahakan tanah pertanian secara bersama. Dengan cara ini, kedua-dua pihak terlibat dalam urusan kerja dan juga benih. Oleh itu, pihak pengusaha mendapat manfaat dari hasil kerja dan pihak pemilik tanah mendapat manfaat dari hasil kerja dan juga pemilikan tanah.²⁷

²⁴ Abī Ishaq Ibrahīm bin Alī bin Yūsuf al-Fairuzābāzī al-Syirāzī (1959), *Al-Muhadhab Fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 1, c. 2. Meşir: Məktəbə Müştəfə Al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādūhu, h. 400 – 401.

²⁵ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘ī (1993), *Al-Umm*, j. 4. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, h. 13 – 14; Al-Syeikh Dawūd b. ‘Abd Allāh Faṭānī (t.t.), *Furū‘ al-Masā’il*, j. 1. Singapore: Maktabah wa Maṭba‘ah Sulaiman Mar‘ī, h. 106.

²⁶ Al-Syarbīnī (t.t.), *op.cit.*, h. 325.

²⁷ *Ibid.*

Rukun *al-Muzāra‘ah*

Jumhur *fuqahā’* yang mengharuskan akad *al-muzāra‘ah* mengemukakan beberapa rukun yang harus dipenuhi di dalam sesuatu kontrak *al-muzāra‘ah*. Rukun-rukun ini mestilah dipenuhi supaya akad *al-muzāra‘ah* menjadi sah. Rukun-rukunnya ialah:²⁸

1. Pemilik tanah;
2. Petani (Pengusaha);
3. Objek *al-muzāra‘ah*, iaitu manfaat tanah dan hasil kerja petani; dan
4. *Ijāb* (ungkapan penyerahan tanah dari pemilik tanah) dan *qabūl* (pernyataan menerima tanah untuk diteroka oleh petani).

Para *fuqahā’* dari kalangan mazhab Ḥanafī pula menyatakan rukun bagi akad *al-muzāra‘ah* ini adalah hanya satu sahaja iaitu *ṣighah* yang bermakna *ijāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan). Apabila pemilik tanah membuat tawaran kepada pihak pengusaha seperti berkata, “Saya serahkan tanah ini atas akad *al-muzāra‘ah* dan hasilnya akan dibahagikan antara kita berdua”. Pihak pengusaha menerima tawaran tersebut dengan berkata: “Saya terima atau setuju” atau apa-apa sahaja perkataan yang menunjukkan kepada kerelaan.²⁹

Syarat-syarat *al-Muzāra‘ah*

Terdapat beberapa syarat yang harus dipenuhi bagi menentukan kesahihan kontrak *al-muzāra‘ah* ini.³⁰ Syarat-syarat sah bagi *al-muzāra‘ah* dapat dikategorikan kepada beberapa bahagian berikut:

1. Syarat ke atas orang berakad

Kedua-dua pihak yang berakad dalam kontrak *al-muzāra‘ah* mestilah terdiri daripada golongan orang yang berakal dan tidak sah sekiranya orang gila atau kanak-kanak yang tidak berakal terlibat dalam akad ini. Akad ini sah dilakukan jika seorang daripada pihak yang berakad tidak murtad.³¹ Namun, bagi Abū Yūsuf dan juga Muhammad Ibn

²⁸ Muhammad Amīn al-Syahīr Abī ‘Usmān Ibn ‘Abd al-Azīz Ibn ‘Ābidīn (1966), *Hāsyiyah Radd al-Muhtār ‘Alā al-Dār al-Mukhtār: Syarḥ Tanwīr al-Abṣār*, j. 6, c. 2. Qāherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 274; Maṇṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūtī (1982), *Kasasyāf al-Qinā‘ An Matn al-Iqnā‘*, j. 3. Beirût: Dār Al-Fikr, h. 528.

²⁹ Al-Kāsāni (1968), *op.cit.*, h. 3808 – 3809.

³⁰ Al-Dusūqī, (t.t.), *op.cit.*, h. 373.

³¹ *Ibid.*

Ḩāsan al-Syaibānī, kontrak ini juga sah dilakukan antara muslim dan juga bukan muslim termasuklah golongan murtad.³²

Menurut pandangan mazhab Mālikī pula, amalan *al-muzāra ‘ah* tidak diharuskan kecuali mempunyai beberapa syarat tertentu, iaitu:³³

- i. Kedua-dua orang yang berakad hendaklah serah-menyerah. Pihak pemilik tanah menyerahkan tanah dan pihak pengusaha berusaha. Sekiranya tidak berlaku serah-menyerah, maka amalan *al-muzāra ‘ah* ini ditegah;
- ii. Kedua-dua pihak yang berakad hendaklah saling terima-menerima hasil yang diperolehi dengan kadar yang tertentu. Hasil yang diperolehi itu hendaklah bersesuaian dengan orang yang mengusahakannya;
- iii. Hendaklah kesamaan di dalam menerima keuntungan daripada pengeluaran hasil tersebut; dan
- iv. Benih tersebut mestilah ditanam di atas tanah yang telah dinyatakan dalam kontrak.

2. Syarat ke atas tanaman

Jenis tanaman yang hendak diusahakan oleh petani hendaklah dimaklumkan kepada pemilik tanah. Langkah ini dilakukan supaya dapat memastikan jenis tanaman yang ingin diusahakan itu bersesuaian dengan jenis tanah itu sendiri, dan mengelak daripada berlakunya pengurangan terhadap hasil. Syarat ini terkecuali sekiranya pemilik tanah membenarkan pengusaha menanam apa sahaja jenis tanaman tanpa sebarang syarat.³⁴

3. Syarat ke atas hasil pengeluaran

Semua hasil yang diperolehi daripada usahasama tersebut hendaklah dibahagikan mengikut kadar yang telah ditentukan dan dipersetujui di dalam akad oleh kedua-dua pihak tersebut seperti seperdua, sepertiga atau seperempat supaya tidak timbul perselisihan. Penentuannya juga tidak boleh berdasarkan jumlah tertentu secara mutlak kerana kemungkinan seluruh hasil tidak melebihi jumlah yang telah ditetapkan itu atau berkemungkinan melangkaui jumlah yang ditetapkan itu. Pembahagian hasil

³² Al-Kāsānī (1968), *op.cit.*, h. 3810.

³³ Al-Dusūqī, (t.t.), *op.cit.*, h. 374 – 376.

³⁴ Al-Kāsānī (1968), *op.cit.*, h. 3812.

pengeluaran hendaklah dibuat di dalam akad. Sekiranya tidak disebut di dalam akad, maka terbatal kontrak tersebut.³⁵

Menurut kitab *Fath al-Bārī*, pembahagian hasil adalah berpandukan kepada amalan yang telah dilakukan oleh Nabi SAW. Penduduk Madinah yang mengamalkan akad ini telah membahagikan hasil perkongsian sama ada sepertiga atau seperempat. Sa'ad bin Mālik dan Ibn Mas'ūd telah mengamalkan akad *al-muzāra'ah* dengan pembahagian sepertiga dan seperempat.³⁶

Begini juga menurut pandangan Abū Yūsuf yang menyatakan bahawa harus untuk membahagikan hasil tanaman mengikut pembahagian yang telah dipersetujui seperti seperdua atau sepertiga. Kesemua ini adalah harus kerana hasilnya tidak diketahui sama ada untung atau rugi seperti juga di dalam akad *al-mudārabah*.³⁷

Oleh itu, pembahagian di dalam akad *al-muzāra'ah* adalah bergantung kepada persetujuan yang telah diputuskan oleh pemilik tanah dan juga pengusaha sama ada seperdua, sepertiga, seperempat atau sebagainya sebelum sesuatu usahasama itu berjalan.

Imam Al-Syāfi'i pula menyatakan tidak sah akad *al-muzāra'ah* dengan pembahagian hasil sepertiga, seperempat atau sebagainya. Tidak harus seseorang itu meminta untuk menyewa kepada orang lain melainkan mempunyai upah yang tertentu, di mana kedua-dua pihak mengetahui sebelum orang yang meminta sewa itu bekerja.³⁸

Di dalam mazhab Syāfi'i, akad *al-muzāra'ah* ini hanya akan dianggap sah apabila pihak yang berkontrak berakad dengan akad *al-musāqāh* terlebih dahulu sebelum berakad dengan akad *al-muzāra'ah*. Ini kerana, keperluan kepada akad *al-musāqāh* adalah lebih utama berbanding *al-muzāra'ah* menurut pandangan mazhab Syāfi'i.³⁹

³⁵ *Ibid.*, h. 3813; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, j. 5. Damsyik: Dār Al-Fikr, h. 617.

³⁶ Aḥmad bin Alī bin Ḥajar al-Asqalānī (t.t.), *Fath al-Bārī*, j. 5. Meşir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu, h. 11.

³⁷ Abū Yūsuf (1392H), *op. cit.*, h. 22.

³⁸ Al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 14.

³⁹ Al-Syirāzī (1959), *op.cit.*, h. 401; Al-Syarbīnī (t.t), *op.cit.*, h. 324.

4. Syarat ke atas tanah

Tanah yang hendak dijadikan kawasan pertanian tersebut hendaklah dalam keadaan yang baik. Akad *al-muzāra 'ah* tidak sah sekiranya tanah pertanian tersebut berada dalam keadaan yang kering, tandus dan tidak sesuai untuk dijadikan tanah pertanian. Akan tetapi, sekiranya sewaktu akad *al-muzāra 'ah* dilakukan, tanah tersebut tidak sesuai untuk dijadikan tanah pertanian disebabkan oleh terputus sumber air, tetapi pada masa hadapan sesuai pula dijadikan tempat penanaman, ianya diharuskan.⁴⁰

Pemilik tanah mestilah memberitahu tanah yang hendak dijadikan tempat pertanian dan pengusaha pula mestilah mengetahui tanah yang hendak digunakan itu kerana tidak sah akad *al-muzāra 'ah* terhadap tanah yang tidak diketahui.

Fuqahā' dari mazhab Ḥanbali menyatakan bahawa akad *al-muzāra 'ah* ini adalah harus sekiranya benih untuk usahasama tersebut adalah dari pihak pemilik tanah. Imam Ahmad Ibn Ḥanbal pula mengatakan harus amalan *al-muzāra 'ah* dengan menyerahkan tanah kepada orang yang hendak bercucuk tanam atau kepada orang yang mahu mengusahakan tanah tersebut.⁴¹

Selain daripada itu, sekiranya kawasan tanah telah mempunyai pokok-pokok tanaman dan masih lagi terdapat ruang kosong yang tidak ditanami dan diairi, maka akad *al-muzāra 'ah* ini boleh dilakukan. Tetapi, benih tanaman disediakan oleh pemilik tanah dan pengusaha menyumbangkan tenaga di dalam usahasama tersebut. Akad *al-muzāra 'ah* ini adalah usahasama antara pemilik tanah dan juga pihak pengusaha dan ianya sama seperti akad *al-musāqāh* dan juga *al-mudārabah*.⁴²

5. Syarat ke atas tempoh masa

Tempoh masa sesuatu akad hendaklah ditentukan dan sesuai dengan sesuatu jenis tanaman dan juga berdasarkan kepada keadaan setempat. Jangkaan tempoh perolehan perlulah tidak terlalu panjang sehingga bertahun-tahun lamanya kerana kemungkinan salah seorang daripada pihak yang berkontrak akan meninggal dunia.⁴³

⁴⁰ Al-Kāsāni (1968), *op.cit.*, h. 3814; Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *op.cit.*, h. 617 – 618.

⁴¹ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 589 – 590.

⁴² *Ibid.*, h. 591.

⁴³ *Ibid.*, h. 618 – 619; *Ibid.*, h. 3819.

Bentuk-Bentuk Akad *al-Muzāra'ah*

Menurut Abū Yūsuf dan Muḥammad Ibn al-Ḥāsan al-Syaibānī,⁴⁴ terdapat beberapa bentuk akad yang boleh dilakukan oleh pemilik tanah dan juga pengusaha. Hal ini adalah penting supaya dapat memastikan kontrak tersebut sah di sisi syarak.

Bentuk pertama, pemilik tanah yang menyediakan tanah, menyediakan benih dan juga menyediakan peralatan, manakala pihak pengusaha menyumbangkan tenaga dalam mengusahakan tanaman tersebut. Maka, akad ini dianggap sah dan harus dilaksanakan.⁴⁵

Bentuk yang kedua, kontrak *al-muzāra'ah* ini juga diharuskan apabila pihak pemilik tanah hanya menyediakan tanah sahaja. Sementara itu, pihak pengusaha pula yang menyediakan benih dan peralatan serta menyumbangkan tenaga di dalam usahasama pertanian tersebut.⁴⁶

Begitu juga di dalam keadaan ini, pemilik tanah yang menyediakan tanah dan menyediakan benih manakala pengusaha yang menyediakan peralatan dan juga menyumbang tenaga. Akad ini juga dianggap sah.⁴⁷

Sebaliknya, apabila tuan tanah menyediakan tanah dan menyediakan peralatan sedangkan pihak pengusaha yang menyediakan benih dan menyumbangkan tenaga di dalam usahasama tersebut. Kontrak ini dikira tidak sah dan tidak harus dilaksanakan.⁴⁸

Ini adalah kerana menurut Abū Yūsuf dan Muḥammad Ibn al-Ḥāsan al-Syaibānī, penyediaan alat dan juga penyediaan tanah oleh pemilik tanah yang menyebabkan akad ini menjadi rosak. Maka, penyediaan tanah dan juga peralatan oleh tuan tanah secara bersama adalah tidak diharuskan. Menurut mereka, manfaat alat pertanian dan juga manfaat tanah adalah berbeza, kerana tanah adalah untuk menghasilkan tanaman dan peralatan adalah untuk penerokaan tanah. Oleh itu, penyediaan peralatan merupakan tanggungjawab petani dan bukan kepada pemilik tanah kerana pihak petani yang akan mengusahakan tanaman tersebut.⁴⁹

⁴⁴ Al-Kāsāni (1968), *op.cit.*, h. 3816 – 3819.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 3816.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*, h. 3817.

⁴⁸ *Ibid.*, h. 3818.

⁴⁹ *Ibid.*

Oleh itu, terdapat hubungan yang jelas di antara penyediaan tanah dan juga penyediaan benih oleh pemilik tanah. Pemilik tanah seharusnya menyediakan benih bagi memastikan kontrak *al-muzāra'ah* ini dianggap sah. Hal ini terkecuali sekiranya pemilik tanah hanya menyediakan tanah sahaja dan selebihnya diserahkan kepada pengusaha dan ini adalah diharuskan.

Kesan Akad *al-Muzāra'ah*

Menurut *fuqahā'* yang telah mengharuskan akad *al-muzāra'ah* ini, apabila telah memenuhi rukun dan syaratnya, maka perkara berikut adalah termaktub di dalam kontrak tersebut:⁵⁰

1. Pihak pengusaha bertanggungjawab di dalam mengeluarkan semua jenis pembiayaan benih dan juga pembiayaan memelihara benih tersebut;
2. Pembiayaan sepanjang proses tanaman iaitu seperti pembajaan, perbelanjaan penuaian dan pembiayaan membersihkan tanaman, ditanggung oleh pihak petani dan juga pemilik tanah berdasarkan kadar pembahagian yang telah ditetapkan semasa akad;⁵¹
3. Hasil tanaman dibahagikan sesuai dengan persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak semasa berkontrak;⁵²
4. Kaedah pengairan dibuat berdasarkan persetujuan di antara pemilik tanah dan juga pihak petani. Sekiranya tidak wujud persetujuan, kaedah pengairan akan dibuat berdasarkan kepada kaedah yang menjadi kebiasaan di kawasan tersebut. Sekiranya kawasan tersebut biasanya diairi dengan air hujan, maka kedua-dua belah pihak tidak boleh dipaksa untuk mengairi tanaman tersebut dengan kaedah pengairan yang khusus. Jika kawasan pertanian tersebut biasanya diairi dengan kaedah pengairan yang tertentu, dan persetujuan yang dicapai di dalam akad bahawa kaedah pengairan menjadi tanggungjawab pengusaha, maka pengusaha tersebut haruslah mengairinya dengan kaedah pengairan yang khusus; dan⁵³
5. Apabila salah seorang pihak yang berakad meninggal dunia sebelum tanaman tersebut ditiuai, akad tetap diteruskan sehingga tiba masa penuaian. Pihak yang telah meninggal akan diwakili oleh warisnya. Ini adalah selaras dengan pandangan jumhur *fuqahā'* yang berpendapat bahawa akad upah-mengupah

⁵⁰ *Ibid.*, h. 3822.

⁵¹ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 589.

⁵² Al-Dusūqī (t.t.), *op.cit.*, h. 374 – 375.

⁵³ Ibn ‘Ābidīn (1966), *op.cit.*, h. 283.

bersifat mengikat kedua-dua belah pihak yang berkontrak dan boleh diwariskan. Oleh itu, jumhur *fuqahā'* berpendapat kematian salah satu pihak yang berkontrak tidak membatalkan akad *al-muzāra 'ah* ini.⁵⁴

Konsep Pengurusan Projek FELCRA Berhad, Seberang Perak

Fungsi utama penubuhan FELCRA Berhad adalah untuk memulihkan dan menyatukan tanah dengan kelulusan atau permintaan Pihak Berkuasa Negeri dan juga persetujuan pemilik tanah.⁵⁵ Matlamat utama program penyatuan dan juga pemulihan tanah yang dilaksanakan oleh pihak FELCRA Berhad ini adalah untuk membasmi kemiskinan masyarakat khususnya yang berada di luar bandar.⁵⁶

Dalam usaha untuk penyatuan dan juga pemulihan tanah, pihak FELCRA Berhad telah memperkenalkan sistem saham FELCRA. Di bawah sistem saham ini, keseluruhan ladang diambilkira sebagai suatu unit di mana kesemua peserta adalah memiliki secara bersama untuk menanggung segala beban dan risiko serta menikmati faedah darinya secara bersama. Segala bentuk bebanan dan juga faedah ini adalah mengikut kadar pemilikan saham setiap peserta.⁵⁷

Sistem saham ini mengamalkan sesuatu projek itu secara ladang di mana keseluruhan projek diurus dan ditadbirkan seolah-olah ianya sebuah ladang swasta. Keseluruhan projek dianggap sebagai satu unit di mana kesemua peserta adalah pemilik bersama dan mereka menikmati secara bersama juga segala faedah dari projek ini. Di samping itu, mereka juga akan bersama-sama menanggung risiko projek berkenaan mengikut kadar pemilikan saham masing-masing. Menurut sistem ini, pembahagian lot perseorangan tidak ditentukan bagi untuk diusahakan secara perseorangan tetapi keseluruhan ladang dimiliki dan dikerjakan secara kolektif.⁵⁸

Bagaimanapun, dari segi undang-undang '*status quo*' pemilikan tanah tersebut, tidak terjejas. Sistem saham FELCRA juga berjalan berdasarkan kepada 'sistem penggajian' yang menyerupai dengan perjalanan ladang swasta.⁵⁹ Peserta akan memperolehi

⁵⁴ *Ibid.*, h. 282.

⁵⁵ FELCRA Berhad (2006), *Informasi Pengenalan FELCRA Berhad*. Kuala Lumpur: FELCRA Berhad, h. 1.

⁵⁶ *Ibid.*, h. 2.

⁵⁷ Ali Idris (2000), "Peranan FELCRA Dalam Memajukan Sektor Pertanian Negara" (Kertas Kerja Seminar Koperasi Pertanian di Malaysia di Shah Alam, 13-16 Februari 2000), h. 6.

⁵⁸ *Ibid.*

pendapatan melalui dividen dan juga melalui upah bekerja. Para peserta projek pembangunan pertanian di kawasan FELCRA Berhad, Seberang Perak memiliki keluasan tanah yang berjumlah 6 ekar bagi setiap peserta iaitu 3 ekar bagi tanaman padi dan 3 ekar bagi tanaman kelapa sawit.⁶⁰

Perolehan dividen oleh pihak peserta bergantung sepenuhnya kepada jumlah hasil yang diperolehi. Pihak peserta akan memperolehi jumlah dividen selepas jumlah hasil ditolak dengan segala kos penyelenggaraan tanaman dan juga kos pembangunan kawasan serta caj pengurusan sebanyak 5%.⁶¹

Sistem Pengurusan Projek Padi FELCRA Berhad

Di peringkat permulaan, pelaksanaan pemulihan kawasan-kawasan padi yang kurang maju, pihak FELCRA Berhad menggunakan pendekatan '*centralised management*' yang dipanggil sebagai 'Separa Estet'. Di dalam sistem ini, pihak peserta bertanggungjawab mengusahakan lot masing-masing. Pihak FELCRA Berhad pula membantu menguruskan kerja-kerja utama seperti penyediaan jadual kerja, pembajakan, penuaian dan penyaluran input-input pertanian di samping pengurusan kemudahan kredit dan khidmat nasihat.⁶²

Apabila kawasan padi baru mula dibuka dan diusahakan, sistem pengurusan perladangan secara estet sepenuhnya yang lebih sistematik telah diperkenalkan. Secara amnya, perbezaan diantara sistem Estet Padi ini dengan sistem sebelumnya ialah dari segi pelaksanaan aktiviti kerja perusahaan tanaman padi. Di kawasan lama, peserta terlibat dan bertanggungjawab pada lot mereka sendiri. Tetapi di kawasan baru ini, semua pelaksanaan kerja dirancang, diurus, diatur dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan ladang iaitu pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak. Peserta-peserta digalakkan melibatkan diri sebagai pekerja yang dibayar upah di samping sebagai pemegang saham.⁶³

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ FELCRA Berhad, Seberang Perak (2006), *FELCRA Seberang Perak*. Seberang Perak: FELCRA Berhad.

⁶¹ Temubual dengan En. Saad b. Yusuf, Timbalan Pengurus Besar Wilayah, FELCRA Berhad, Seberang Perak, Kampung Gajah, Perak pada 26 September 2006 jam 4.00 petang.

⁶² K. Ibrahim *et al.* (1989), "Sistem Organisasi Ladang Dan Pengurusan Estet Padi FELCRA Seberang Perak" (Kertas Kerja Bengkel Pengurusan Input Padi 1989 di Pulau Pinang, 5-6 Julai 1989), h. 2.

⁶³ *Ibid.*, h. 3.

Sistem pengurusan secara estet yang diamalkan ini banyak membantu kejayaan projek tanaman padi di kawasan Seberang Perak. Pihak FELCRA Berhad mempunyai bidang kuasa untuk menentukan segala perancangan dan pelaksanaan kaedah kerja bagi tanaman padi di sini. Peserta atau pemilik perlu mematuhi segala arahan yang diberikan oleh pihak pengurusan FELCRA Berhad.⁶⁴

Kos pembangunan dan operasi yang melibatkan penyediaan keperluan input-input pertanian dan sebagainya didahulukan oleh pihak FELCRA Berhad. Kos perbelanjaan ini akan dibayar kembali apabila hasil diperolehi. Kaedah yang diamalkan ini memudahkan pihak pengurusan membuat keputusan dan menerapkan segala teknologi terkini di dalam penanaman padi.⁶⁵

Pembahagian hasil yang diagihkan kepada pihak peserta FELCRA Berhad, Seberang Perak adalah bergantung kepada jumlah keuntungan yang diperolehi oleh pihak FELCRA Berhad selepas musim penuaan. Semakin tinggi keuntungan, semakin bertambah jumlah dividen yang diperolehi oleh pihak peserta berdasarkan jumlah pegangan saham yang dimiliki.⁶⁶

Dapatkan Kajian

Metode pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah secara penyelidikan perpustakaan, temubual dan soal selidik. Pengkaji menemubual kakitangan FELCRA Berhad, Seberang Perak bagi mendapatkan data-data yang berkaitan Projek Pertanian FELCRA Berhad, Seberang Perak khususnya bagi tanaman padi. Metode soal selidik turut digunakan di dalam kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada para peserta Projek Pertanian FELCRA Berhad, Seberang Perak.

Responden kajian terdiri daripada 150 orang peserta di kawasan rancangan pertanian di kawasan FELCRA Berhad, Seberang Perak, Perak Darul Ridzuan. Bilangan ini dijadikan sampel mewakili populasi penduduk di kawasan Seberang Perak yang berjumlah 1,305 orang peserta.⁶⁷ Namun, mengikut data terbaru yang dikeluarkan oleh pihak FELCRA Berhad, jumlah peserta yang masih lagi mengadakan usahasama dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak berjumlah 971 sahaja. Sementara itu

⁶⁴ Ashaari Yusof (1990), *op.cit.*, h. 52.

⁶⁵ *Ibid.*, h. 55.

⁶⁶ Temubual dengan En. Fakhru Adabi b. Hj. Setu, Pengurus Kawasan Peringkat 8 & 9 (Padi), FELCRA Berhad, Seberang Perak pada 24 Mei 2006 jam 3.00 petang.

⁶⁷ Temubual dengan Hj. Husnan b. Salam, Ketua Unit Pembangunan Peserta, FELCRA Berhad, Seberang Perak pada 17 Mei 2006 jam 3.15 petang.

seramai 334 orang tidak lagi bersama pihak FELCRA di dalam menguruskan tanah pertanian kerana mengurus tadbir ladang secara sendirian.⁶⁸ Golongan yang masih lagi menjalankan usahasama dengan pihak FELCRA Berhad dijadikan subjek kajian kerana mereka ini terlibat secara langsung dengan segala perancangan yang dibuat oleh pihak FELCRA Berhad di kawasan Seberang Perak.

A. Latar Belakang Responden

Jadual 1: Pecahan Responden Mengikut Agama & Bangsa

Agama / Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Islam / Melayu	150	100.0

Sumber: Soal Selidik

Jadual 1 menunjukkan tentang taburan responden mengikut agama dan juga bangsa. Keseluruhan responden yang terlibat dalam soal selidik ini adalah beragama Islam dan juga berbangsa Melayu. Ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan FELCRA Berhad mengutamakan seseorang yang beragama Islam dan juga Melayu di dalam projek di Seberang Perak. Hal ini selaras dengan matlamat utama FELCRA Berhad bagi membasmi kemiskinan khususnya di kawasan luar bandar yang rata-ratanya adalah penduduk yang berbangsa Melayu.

Jadual 2: Jadual Silang Taburan Jantina & Pekerjaan Responden

Jantina	Pekerjaan		Jumlah
	Peserta FELCRA	Peserta dan Pekerja FELCRA	
Lelaki	77	59	136
Perempuan	12	2	14
Jumlah	89	61	150

Sumber: Soal Selidik

⁶⁸ FELCRA Berhad, Seberang Perak (2006), *Opsyen Peserta-Peserta FELCRA Berhad, Seberang Perak*. Seberang Perak: Unit Peserta, FELCRA Berhad, Seberang Perak.

Jadual 2 di atas menunjukkan pecahan jantina responden dan juga jenis pekerjaan mereka. Daripada keseluruhan responden, seramai 136 orang merupakan lelaki. Ini menunjukkan bahawa peserta rancangan adalah majoritinya lelaki. Seramai 89 orang responden merupakan peserta FELCRA Berhad semata-mata iaitu mereka yang hanya menerima dividen daripada pihak FELCRA Berhad tanpa melakukan sebarang pekerjaan dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak. Sementara itu, terdapat 61 orang responden merupakan peserta dan juga pekerja iaitu mereka yang mengambil upah berkerja dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak. Upah berkerja ini adalah berlandaskan kontrak *ujrah* seperti yang terdapat di dalam *fiqh* Islam. Hal ini berbeza dengan perolehan dividen kerana ianya merupakan hasil usahasama antara pihak peserta dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak di dalam memajukan tanah pertanian.

Ini menunjukkan bahawa kawasan projek pertanian di kawasan Seberang Perak adalah sebuah projek pertanian yang dirancang secara bersepadu dan mereka yang terlibat mempunyai hubungan secara langsung dengan pihak FELCRA Berhad iaitu peserta tanah rancangan FELCRA Berhad. Tambahan pula, soal selidik ini dikhususkan untuk para peserta bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada mereka.

Jadual 3: Jadual Silang Taburan Pendidikan & Pendapatan Responden

Pendidikan	Pendapatan				Jumlah
	Kurang RM250	RM251-RM500	RM501-RM1000	> RM2001	
Tidak Bersekolah	3	11	4	0	18
Sekolah Rendah	11	62	20	0	93
Penilaian Sekolah Rendah/UPSR	0	2	11	0	13
LCE/SRP/PMR	1	10	7	0	18
MCE/SPM	0	3	4	1	8
Jumlah	15	88	46	1	150

Sumber: Soal Selidik

Jadual 3 di atas menerangkan taburan responden berdasarkan pecahan pendidikan dan juga pendapatan sebulan. Majoriti responden tidak mempunyai latar pendidikan yang baik yang mana seramai 93 orang hanya mendapat pendidikan sekadar sekolah rendah sahaja. Manakala, pendapatan yang diperolehi responden pula tidak berada pada tahap yang tidak memuaskan kerana seramai 88 orang responden berada pada tahap pendapatan RM251–RM500.

Ini menunjukkan para peserta FELCRA Berhad, Seberang Perak tidak mempunyai tahap pendidikan yang baik. Pendapatan peserta juga rendah dan berada pada paras kemiskinan dengan majoriti daripadanya memperolehi pendapatan pada tahap RM251–RM500. Maka, para peserta perlu mendapatkan kemahiran tertentu serta melakukan kerja-kerja sama ada berkait dengan pihak FELCRA Berhad atau pihak lain bagi menjana lebihan pendapatan bagi menampung keperluan hidup.

B. Amalan Responden di FELCRA Berhad, Seberang Perak

Perbincangan tentang amalan responden adalah merujuk kepada amalan yang berkaitan dengan prinsip *al-muzāra‘ah* di dalam mengusahakan tanaman padi di FELCRA Berhad, Seberang Perak.

Jadual 4: Item-Item Berkaitan Akad *Al-Muzāra‘ah*

Bil.	Perkara	Bilangan		Peratus %	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	B6: Tuan/Puan mengambil upah berkerja dengan pihak FELCRA Berhad untuk mengusahakan tanah pertanian.	85	65	56.7%	43.3%
2.	B7: Tuan/Puan mengusahakan sendiri tanah pertanian yang dimiliki di FELCRA Berhad, Seberang Perak.	23	127	15.3%	84.7%
3.	B9: Tuan/Puan menyerahkan tanah milik tuan/puan kepada pihak FELCRA Berhad untuk diusahakan sepenuhnya.	130	20	86.7%	13.3%
4.	B10: Terdapat perjanjian yang dimeterai antara tuan/puan dan juga pihak FELCRA Berhad sekiranya tuan/puan menyerahkan tanah kepada pihak FELCRA Berhad untuk diusahakan.	132	18	88.0%	12.0%
5.	B11: Hasil pertanian yang diberi oleh pihak FELCRA Berhad kepada tuan/puan di dalam kadar bayaran yang tetap.	11	139	7.3%	92.7%
6.	B12: Tuan/Puan menentukan jenis tanaman yang diusahakan oleh FELCRA Berhad.	8	142	5.3%	94.7%
7.	B13: Tanah yang tuan/puan miliki hanya dikhurasukan untuk tujuan pertanian.	145	5	96.7%	3.3%

Bil.	Perkara	Bilangan		Peratus %	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
8.	B14: Pihak FELCRA Berhad menyediakan segala jenis peralatan yang diperlukan untuk tujuan pembangunan tanah.	101	49	67.3%	32.7%
9.	B15: Pihak FELCRA Berhad menyediakan benih tanaman yang diperlukan.	141	9	94.0%	6.0%
10.	B16: Pihak FELCRA Berhad memberi hasil tanaman dalam jangka masa yang sesuai dengan musim tanaman.	105	45	70.0%	30.0%
11.	B18: Pihak FELCRA Berhad akan terus memberikan hasil tanaman kepada waris sekiranya berlaku kematian/kezuruan kepada tuan/puan.	142	8	94.7%	5.3%
12.	B19: Pihak FELCRA Berhad bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan tanah pertanian di Seberang Perak.	146	4	97.3%	2.7%
13.	B21: Pihak FELCRA Berhad mempunyai kuasa penuh untuk menentukan cara/kaedah penanaman di kawasan ini.	142	8	94.7%	5.3%
14.	B22: Tuan/Puan berkuasa untuk membantah segala keputusan/tindakan pihak FELCRA Berhad di dalam membangunkan tanah pertanian.	30	120	20.0%	80.0%
15.	B24: Tuan/Puan mendapat bayaran hasil tanaman secara pembayaran bulanan.	12	138	8.0%	92.0%
16.	B25: Tanah yang diusahakan ini dalam keadaan yang sesuai untuk pertanian semasa diserahkan kepada pihak FELCRA Berhad untuk diusahakan.	143	7	95.3%	4.7%

Sumber: Soal Selidik

Jadual 4 di atas menerangkan tentang pendapat atau pengetahuan responden tentang beberapa perkara berhubung amalan pembangunan tanah pertanian di Seberang Perak di bawah kelolaan FELCRA Berhad. Kesemua perkara ini mempunyai kaitan dengan ciri-ciri yang terkandung di dalam akad *al-muzāra 'ah* di dalam membangunkan tanah pertanian menurut ekonomi Islam.

Hubungan melalui akad *al-muzāra 'ah* antara pihak peserta sebagai pemilik tanah dengan pihak FELCRA Berhad sebagai pihak pengusaha dapat dilihat pada soalan B7 dan B9 serta B21. Seramai 127 orang responden (84.7%) tidak mengusahakan sendiri tanah pertanian yang mereka miliki di FELCRA Berhad, Seberang Perak. Manakala, 130 orang responden (86.7%) menyerahkan kepada pihak FELCRA Berhad untuk mengusahakan tanah mereka di Seberang Perak. Di dalam B21 pula, seramai 142 orang responden (94.7%) menyatakan bahawa pihak FELCRA Berhad mempunyai kuasa penuh untuk menentukan cara dan kaedah penanaman di kawasan Seberang Perak.

Ini menunjukkan bahawa wujudnya elemen akad *al-muzāra 'ah* iaitu hubungan antara pemilik tanah iaitu peserta dengan pihak petani iaitu pihak FELCRA Berhad di dalam urusan penanaman serta penghasilan hasil akan dikongsi bersama. Pihak peserta menyerahkan segala urusan penanaman kepada pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak dan hasil yang diperolehi akan dibahagikan selepas ditolak segala jenis kos. Pihak FELCRA Berhad sebagai pihak pengusaha juga berkuasa penuh untuk menentukan apa jua kaedah tanaman yang ingin diamalkan di kawasan Seberang Perak.

Selain itu, soalan B10 menerangkan tentang perjanjian yang dimeterai antara pihak peserta dan juga pihak pengurusan FELCRA Berhad apabila pihak peserta menyerahkan tanah mereka untuk diusahakan. Seramai 132 orang responden (88.0%) telah menyatakan terdapat perjanjian yang dimeterai dan 20 berkata sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa terdapat proses *ijāb* dan juga *qabūl* iaitu perjanjian yang membentuk suatu akad kerjasama antara pemilik tanah dengan pengusaha seperti yang terdapat di dalam salah satu rukun *al-muzāra 'ah* iaitu *ṣighāh*.

Berkenaan pembahagian hasil daripada usahasama antara pihak peserta dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak pula, terdapat tiga soalan mengenainya iaitu B11, B16 dan juga B24. Bagi soalan B11, seramai 92.7% responden (139 orang) menyatakan hasil pertanian yang diberi oleh pihak FELCRA Berhad bukanlah dalam kadar bayaran yang tetap dan 11 orang menyatakan sebaliknya. Bagi soalan B16 pula, seramai 105 responden menyatakan pihak FELCRA Berhad telah mengagihkan hasil tanaman dalam jangka masa yang sesuai dengan musim tanaman. Soalan B24 pula, 92.0% responden

iaitu 138 orang menyatakan pihak FELCRA Berhad tidak membuat bayaran secara bulanan kepada pihak peserta.

Jumlah dividen yang diterima oleh pihak peserta adalah tidak tetap dan bergantung kepada perolehan hasil tanaman. Kadar dividen yang diberikan oleh pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak kepada para peserta bergantung sepenuhnya kepada jumlah hasil yang diperolehi daripada tanaman padi dan juga kelapa sawit. Pihak peserta akan memperolehi dividen bersih setelah semua hasil ditolak dengan kos penyelenggaraan tanaman dan juga kos pembangunan kawasan serta caj pengurusan sebanyak 5%.

Oleh itu, jumlah perolehan dividen oleh pihak peserta adalah bergantung sepenuhnya kepada jumlah perolehan hasil tanaman. Para peserta akan memperolehi keseluruhan jumlah hasil setelah ditolak semua jenis kos seperti kos penyelenggaraan dan juga caj pengurusan.

Ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan di dalam amalan pembahagian hasil di projek pertanian FELCRA Berhad, Seberang Perak dengan akad *al-muzāra'ah* iaitu pembahagian hasil yang sesuai dengan kesepakatan pihak yang berkontrak dan diagihkan berdasarkan pembahagian yang telah dipersetujui. Antara syarat ke atas hasil pengeluaran di dalam akad *al-muzāra'ah* juga, pihak yang berakad tidak harus dijanjikan dengan jumlah bayaran yang pasti seperti nilai RM5000 hasil usahasama itu kerana dikhuatiri hasil yang diperolehi tidak mencapai jumlah tersebut atau hanya mencukupi jumlah itu sahaja.

Selain itu juga, amalan pembahagian hasil yang dilakukan di FELCRA Berhad, Seberang Perak adalah berpandukan sistem saham FELCRA. Jumlah perolehan dividen peserta bergantung kepada jumlah pegangan saham mereka yang berpandukan jumlah pegangan pemilikan tanah selepas ditolak kos pembangunan iaitu kos membangunkan tanah rancangan FELCRA Berhad, Seberang Perak dan juga kos operasi iaitu kos penyelenggaraan tanaman. Hasil dividen yang diperolehi oleh pihak peserta adalah daripada usahasama yang terjalin dengan pihak FELCRA Berhad di dalam memajukan tanah pertanian di Seberang Perak.

Bagi soalan B6 pula, seramai 85 orang responden (56.7%) telah mengambil upah berkerja dengan pihak FELCRA Berhad di dalam mengusahakan tanah pertanian, manakala 65 orang (43.3%) responden tidak mengambil upah bekerja dengan pihak FELCRA Berhad. Pengkaji berpandangan para peserta yang mengambil upah berkerja dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak adalah berdasarkan kontrak *ujrah*

seperti yang terkandung di dalam *fiqh* Islam. Ini adalah kerana perolehan dividen yang diterima oleh pihak peserta adalah hasil usahasama dengan pihak FELCRA Berhad di dalam memajukan tanah pertanian seperti yang terkandung di dalam akad *al-muzāra‘ah*. Manakala, perolehan daripada hasil bekerja pihak peserta dengan pihak FELCRA Berhad adalah berasaskan sistem upah seperti yang terdapat di dalam kontrak *ujrah*.

Soalan B12, B13 dan juga B25 pula menerangkan tentang syarat ke atas tanaman dan juga syarat ke atas tanah seperti mana yang terkandung di dalam akad *al-muzāra‘ah*. Di dalam soalan B12, seramai 142 orang responden (94.7%) menyatakan bahawa pihak FELCRA Berhad yang menentukan jenis tanaman yang akan diusahakan di kawasan Seberang Perak. Begitu juga soalan B13, 96.7% responden menyatakan bahawa tanah yang mereka miliki hanya dikhurasukan untuk tujuan pertanian. Bagi soalan B25 pula, seramai 143 orang responden (95.3%) menyatakan bahawa tanah yang dimiliki berada dalam keadaan yang sesuai untuk tujuan pertanian semasa diserahkan kepada pihak FELCRA Berhad untuk diusahakan.

Di dalam akad *al-muzāra‘ah*, jenis tanaman yang hendak diusahakan oleh pihak petani hendaklah dimaklumkan kepada pemilik tanah. Amalan yang berlaku di FELCRA Berhad, Seberang Perak pula, pihak peserta tidak menentukan jenis tanaman yang akan diusahakan dan segalanya bergantung kepada pihak FELCRA Berhad. Namun, pihak FELCRA Berhad merupakan sebuah institusi yang menguruskan projek pertanian secara berkelompok di Seberang Perak dan dimaklumi umum tanaman yang diusahakan ialah padi dan juga kelapa sawit. Begitu juga syarat ke tanah di dalam akad *al-muzāra‘ah*, tanah yang hendak dijadikan kawasan pertanian mestilah dalam keadaan yang baik untuk diusahakan. Hal ini adalah selari antara teori di dalam akad *al-muzāra‘ah* dengan situasi yang berlaku di kawasan FELCRA Berhad, Seberang Perak.

Bagi soalan B14 pula, seramai 101 orang responden (66%) menyatakan segala alatan yang diperlukan untuk pembangunan tanah pertanian di Seberang Perak disediakan oleh pihak FELCRA Berhad, dan 49 orang lagi menyatakan sebaliknya. Begitu juga dengan soalan B15, seramai 141 orang responden (94%) menyatakan bahawa pihak FELCRA Berhad yang menyediakan benih tanaman untuk ditanam di kawasan tanah pertanian Seberang Perak.

Ini menunjukkan bahawa bentuk pelaksanaan yang diamalkan oleh pihak FELCRA Berhad iaitu menyediakan alatan dan juga benih untuk projek pertanian Seberang Perak selari dengan bentuk-bentuk akad *al-muzāra‘ah* yang dibenarkan oleh para *fujqahā’*. Kontrak *al-muzāra‘ah* dianggap tidak sah sekiranya pihak pemilik tanah

menyediakan tanah dan juga menyediakan segala alatan, manakala pihak pengusaha menyediakan benih dan juga menyumbang tenaga di dalam usahasama tersebut.

Manakala bagi persoalan B18 pula, seramai 142 orang responden (94.9%) menyatakan pihak FELCRA Berhad akan terus memberikan hasil tanaman kepada waris mereka sekiranya berlaku kematian atau kezuruan kepada pihak peserta. Ini menunjukkan bahawa terdapat keselarasan antara praktikal yang diamalkan oleh pihak FELCRA Berhad dengan teori akad *al-muzāra 'ah* di dalam persoalan agihan hasil terus kepada pihak waris sekiranya sebelah pihak yang berkontrak meninggal dunia atau uzur. Ini adalah kerana jumhur *fuqahā' berpendapat akad al-muzāra 'ah* yang termeterai antara pemilik tanah dan juga pengusaha bersifat mengikat kedua-dua belah pihak yang berkontrak dan boleh diwariskan.

Begitu juga persoalan B19, seramai 146 orang responden (97.3%) bersetuju menyatakan pihak FELCRA Berhad bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan tanah pertanian di Seberang Perak. Bagi soalan B20 pula, sejumlah 91.3% responden (137 orang) menyatakan bahawa pihak FELCRA Berhad bertanggungjawab menjalankan urusan dengan pihak ketiga bagi membantu meningkatkan hasil pertanian di Seberang Perak.

Ini menunjukkan bahawa pihak FELCRA Berhad yang berperanan sebagai pihak pelaksanaan program pembangunan tanah di Seberang Perak bertanggungjawab dengan segala urusan keselamatan tanah pertanian dan juga segala usaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian melalui kerjasama dengan pihak-pihak lain. Hal ini adalah dengan falsafah akad *al-muzāra 'ah* yang menuntut kedua-dua pihak yang berkontrak hendaklah saling serah-menyerah. Pihak pemilik tanah (pihak peserta) menyerahkan tanah dan pihak pengusaha (pihak FELCRA Berhad) mengusahakannya. Apabila berlakunya proses serah-menyerah, pihak pengusaha bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga keselamatan dan juga pembangunan tanah pertanian tersebut.

Bagi soalan B22 pula, seramai 120 orang responden (80%) menyatakan bahawa pihak peserta tidak mempunyai kuasa untuk membantah segala keputusan atau tindakan pihak FELCRA Berhad di dalam membangunkan tanah pertanian di Seberang Perak. Manakala, seramai 30 orang menyatakan mereka berkuasa untuk membuat bantahan kepada pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak.

Hal ini tidak selari dengan apa yang terkandung di dalam akad *al-muzāra 'ah* kerana pihak pemilik tanah dan juga pengusaha bersama-sama menyumbang tenaga di dalam membangunkan tanah pertanian. Oleh itu, pihak pemilik tanah mempunyai

hak untuk menegur atau membantah sebarang tindakan yang dibuat oleh pihak pengusaha sekiranya tidak mengikut perjanjian yang telah dimeterai atau tindakan tersebut boleh mendatangkan kerugian kepada pihak yang berkontrak.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat kesinambungan antara praktik yang diamalkan oleh pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak dengan landasan teori yang dibentuk oleh *fuqahā'* terdahulu berdasarkan usahama yang dibuat oleh Rasulullah SAW dengan penduduk *Khaibar*. Pengkaji mendapati amalan perkongsian yang dilakukan oleh pihak FELCRA Berhad dan juga para peserta ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh para *fuqahā'* terdahulu di dalam akad *al-muzāra'ah*.

Ini terbukti dengan amalan yang berlaku di FELCRA Berhad, Seberang Perak yang mana usahasama yang berlaku antara pihak peserta sebagai pemilik tanah dengan pihak FELCRA Berhad selaku pihak pengusaha bermula dari aspek penanaman lagi. Pihak FELCRA Berhad melakukan segala kerja-kerja pertanian bermula dari menanam pohon (tanaman padi) sehingga aspek penyelenggaraan tanaman sehingga mengeluarkan hasil. Hal ini adalah sama dengan bentuk kerjasama atau perkongsian di dalam aspek pembangunan tanah yang dinyatakan di dalam akad *al-muzāra'ah*.

Daripada soal selidik yang dijalankan ke atas peserta, antara praktik yang diamalkan oleh pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak yang mempunyai ciri-ciri kesinambungan dengan prinsip *al-muzāra'ah* adalah seperti berikut:

1. Terdapat perjanjian yang dimeterai antara pihak peserta dengan pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak iaitu perjanjian penyerahan tanah milik peserta kepada pihak FELCRA Berhad untuk diusahakan;
2. Pihak peserta menyerahkan segala urusan penanaman dan juga segala hal penyelenggaraan tanaman kepada pihak FELCRA Berhad untuk diuruskan;
3. Pihak FELCRA Berhad berkuasa penuh untuk menentukan segala bentuk kaedah penanaman;
4. Hasil tuaian dibahagikan antara pihak peserta dan juga pihak FELCRA Berhad dalam kadar yang tidak tetap bergantung kepada jumlah keuntungan selepas ditolak semua jenis kos;
5. Hasil tanaman telah diagihkan oleh pihak FELCRA Berhad dalam jangka masa yang sesuai dengan musim tanaman dituai;
6. Jenis tanaman iaitu padi yang ingin diusahakan oleh pihak FELCRA Berhad dimaklumi oleh pihak peserta dan dipersetujui bersama;

7. Tanah yang diusahakan sesuai untuk dijadikan kawasan pertanian dan berada di dalam keadaan baik semasa diserahkan kepada pihak FELCRA Berhad untuk diusahakan;
8. Segala jenis peralatan untuk penanaman dan juga biji benih disediakan oleh pihak FELCRA Berhad selaku pihak pengusaha; dan
9. Hasil tuaian akan diagihkan terus kepada pihak waris oleh pihak FELCRA Berhad sekiranya berlaku kematian atau keuzuran ke atas para peserta.

Oleh hal yang demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa usahasama yang diamalkan oleh pihak FELCRA Berhad, Seberang Perak dengan pihak peserta menepati sebahagian besar prinsip *al-muzāra'ah*. Keselarian ini adalah dari segi proses perjanjian yang dimeterai, bentuk usahasama yang dijalankan serta perjanjian pembahagian hasil secara bersama.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa prinsip *fiqh* di dalam membangunkan tanah pertanian iaitu akad *al-muzāra'ah* merupakan suatu landasan teori yang dapat dijadikan panduan untuk diperaktikkan pada masa kini. Penyesuaian yang mengambil kira faktor zaman dan juga tempat boleh dilakukan ke atas teori-teori tersebut bagi memastikan kesejahteraan dan juga keadilan di dalam masyarakat dapat diwujudkan.

Pihak FELCRA Berhad juga dapat menjadikan kontrak *al-muzāra'ah* sebagai asas untuk usahasama perkongsian dengan pihak peserta demi menjamin kesejahteraan bersama. Pelaksanaan projek di Seberang Perak yang dipelopori oleh pihak FELCRA Berhad mempunyai keselarian dengan akad *al-muzāra'ah*.